



# e-Buletin

INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)

BIL.1/2017



MS 2



MS 3



MS 5

***Penasihat/Ketua Penyunting:***

Pn. Roshadah Hashim  
(Pengarah EiMAS)

***Reka bentuk & Penyelaras:***

Unit Perpustakaan EiMAS

***Penyumbang Artikel:***

Pusat Kawalan Pencemaran Air  
Pusat Kawalan & Pengawasan Udara  
Pusat Perundangan & Penguatkuasaan  
Pusat Penilaian

***Penyumbang Artikel:***

Pusat Perhubungan Korporat &  
Komunikasi Strategik  
Pusat Kompetensi & Pensijilan Industri  
Pusat Bahan Berbahaya

# SEMINAR DEMONSTRASI *SHOWCASE BEST MANAGEMENT PRACTICES (BMPs)* BAGI KAWALAN HAKISAN DAN KELODAKAN (SIRI 2 & 3)

Tarikh : 18 dan 19 Julai 2017

Tempat : Hotel Puri Pujangga & EiMAS



Seminar telah dilaksanakan pada 18 Julai 2017 bagi Siri 2 dan 19 Julai 2017 bagi Siri 3. Seminar ini telah dihadiri oleh 30 orang peserta bagi siri 2 dan 40 orang peserta bagi siri 3 yang terdiri daripada kalangan penggerak projek serta kontraktor sektor pembinaan. Pengisian seminar terbahagi kepada 2 sesi iaitu sesi taklimat dan demonstrasi.

## Objektif seminar adalah:

- ✓ Memperkenalkan teknik amalan- amalan berkesan dalam kawalan hakisan dan kelodakan.
- ✓ Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai tanggungjawab pengurusan alam sekitar di tapak-tapak projek, khususnya tentang amalan baik kawalan hakisan dan kelodakan.



Tarikh : 10 - 14 Julai 2017

Tempat : Hotel Oriental Crystal, Kajang

Peserta : 19 orang

## KURSUS PENGURUSAN BAHAN KIMIA (*CHEMICALS MANAGEMENT COURSE*)

Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) di bawah Pusat Bahan Berbahaya telah menganjurkan Kursus Pengurusan Bahan Kimia (*Chemicals Management Course*) pada 10-14 Julai 2017 bertempat di Hotel Oriental Crystal, Kajang, Selangor. Objektif utama Kursus diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para peserta mengenai pengurusan bahan kimia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Selain itu, peserta juga dapat menambah pengetahuan mengenai pengendalian bahan kimia dan juga pematuhan kepada undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan bahan kimia di Malaysia. 19 orang peserta yang terdiri daripada beberapa agensi Kerajaan dan swasta telah menghadiri kursus ini iaitu seramai 14 orang dari Jabatan Alam Sekitar, 2 orang dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan seorang peserta dari Univesiti Herriot Watt, Cyberjaya. Selain itu, Kursus ini juga telah menerima 2 orang peserta dari National Environment Agency Singapore. Peserta yang terlibat dalam Kursus mempunyai latar belakang dan pengalaman mengendalikan bahan kimia sama ada dalam aspek pemantauan atau pun sebagai tugas seharian di makmal.

# KURSUS TATACARA MEMBERI KETERANGAN DI MAHKAMAH

Tarikh : 17 - 21 Julai 2017

Tempat : Hotel Empress Sepang, Selangor

Peserta : 21 orang (Pegawai JAS)

Pusat Perundangan dan Penguatkuasaan, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah menganjurkan Kursus Tatacara Memberi Keterangan di Mahkamah. Kursus ini dihadiri oleh seramai 21 orang pegawai JAS dari Jabatan Alam Sekitar Negeri yang terlibat sebagai saksi pendakwaan.

Objektif kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pegawai JAS mengenai teknik-teknik memberi keterangan di mahkamah. Kursus ini juga dapat meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengenai prosedur yang terlibat sebelum dan semasa memberi keterangan sebagai saksi di mahkamah.



Perbincangan kumpulan bagi persediaan perbicaraan *mock*



Sebagai sebuah Institut yang mempunyai kepakaran dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia, penceramah ILKAP telah menyampaikan topik-topik yang sangat relevan dengan tugas dan peranan saksi di mahkamah sama ada sebelum perbicaraan, semasa perbicaraan atau pasca perbicaraan.

Peserta kursus juga diberikan pendedahan mengenai teknik dan kemahiran dalam pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula semasa latihan amal perbicaraan *mock* dengan menggunakan contoh-contoh kes pendakwaan sebenar JAS. Kursus ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya. Peserta memberikan maklum balas yang positif dan mencadangkan supaya kursus diteruskan pada masa akan datang untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai JAS memperolehi manfaat pembelajaran dan meningkatkan keberkesanan tugas sebagai saksi pendakwaan di mahkamah.

# Strengthening Capacity for ENVIRONMENTAL LAW IN MALAYSIA'S JUDICIARY: TRAIN THE JUDGES PROGRAM

JAS melalui Pusat Perundangan dan Penguatkuasaan, EiMAS telah menjalinkan kerjasama dengan Fakulti Undang-Undang UKM serta Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) sebagai penganjur bersama program *Strengthening Capacity For Environmental Law In Malaysia's Judiciary: Train The Judges Program*.



Sesi ceramah yang disampaikan oleh Ketua Pengarah JAS



Majlis Menandatangani *Memorandum of Agreement (MOA)* oleh barisan penganjur

Program ini dianjurkan khusus kepada pegawai kehakiman seluruh Malaysia yang terlibat dalam pengendalian kes berkaitan alam sekitar (*green court*). Program telah dirasmikan bersama oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Y.Bhg. Dato' Anita Hj. Harun, Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Y.Bhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS).

Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret Mahkamah Majistret seluruh Malaysia telah menghadiri kursus ini.



JAS terlibat sepenuhnya bagi pelaksanaan kursus pada hari ketiga dengan sesi ceramah di sebelah pagi. Y.Bhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim (Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia) telah menyampaikan ceramah bertajuk *DOE Enforcement Approaches: Command and Control (CC) vs Self-Regulation (SR)* serta *Environmental Impact Assessment (EIA)*, diikuti oleh Puan Siti Zaleha Ibrahim (Pengarah JAS Selangor) yang menyampaikan ceramah bertajuk *Enforcement and Water Pollution Prevention in Malaysia* serta *Enforcement and Waste Management in Malaysia*, manakala Encik Mohd Hidzir Bakar (Pengarah JAS Sarawak) telah menyampaikan topik *Enforcement and Air Pollution Prevention in Malaysia*. Pada sesi sebelah petang, telah diadakan lawatan pembelajaran ke kilang Denso (M) Sdn. Bhd. di Bandar Baru Bangi untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai operasi industri dan langkah-langkah kawalan pencemaran air, udara dan

buangan terjadual yang dilaksanakan oleh pihak industri serta pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Secara umumnya, program ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat dan aspirasi penganjur untuk memberi pemahaman yang lebih baik kepada para hakim dan majistret dan untuk memperkasakan undang-undang alam sekitar dalam sistem kehakiman Malaysia.

Tarikh : 10 – 14 Julai 2017

Tempat : Oriental Crystal, Kajang

Peserta : 24 orang

## Kursus *Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Inspection (CePSWI) Siri 2*



Satu - satunya kursus kompetensi bagi pengurusan buangan terjadual buat masa ini adalah Kursus *Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Inspection (CePSWI)*. Kursus kompetensi ini merupakan satu program pembangunan kepakaran bagi pegawai Jabatan Alam Sekitar yang merupakan *mirror image* kepada *Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWaM)* yang dianugerahkan kepada pegawai industri yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan di bawah program pensijilan CePSWaM. Selaras dengan hasrat Jabatan untuk melahirkan pegawai teknikal yang kompeten, pegawai-pegawai JAS perlu dilengkapi dengan kompetensi yang lebih menyeluruh dari pelbagai aspek bagi meningkatkan kepakaran dari sudut pengurusan dan siasatan kes-kes yang melibatkan buangan terjadual.

## ***Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*** ***Course on Environmental Management and Pollution Control***



Tarikh : 24 Julai – 4 Ogos 2017

Tempat : Hotel Puri Pujangga, Bangi

Peserta : 16 orang

(14 Orang Peserta Antarabangsa  
dan 2 Orang Peserta Malaysia)

Peserta-peserta MTCP bergambar bersama Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar serta Pengarah dan Urusetia EiMAS

# Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)

## Course on Environmental Management and Pollution Control

Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) melalui Pusat Perhubungan Korporat dan Komunikasi Strategik, telah menganjurkan *Course on Environmental Management and Pollution Control* di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), dengan Kementerian Luar Negeri sebagai “focal point”nya. Program ini dianjurkan untuk pegawai-pegawai dari luar negara yang bertugas di agensi atau Kementerian yang berkaitan pengurusan alam sekitar dan kawalan pencemaran di negara masing-masing. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia.

Objektif MTCP adalah untuk:

- ✓ Berkongsi pengalaman pembangunan dengan negara-negara lain;
- ✓ Mengukuhkan perhubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara sedang membangun;
- ✓ Mempromosikan Kerjasama Selatan-Selatan (South-South Cooperation); dan
- ✓ Mempromosi kerjasama teknikal di kalangan negara-negara sedang membangun.

Peserta - peserta kursus terdiri daripada pegawai-pegawai dari negara Nigeria, Oman, Timor Leste, Georgia, Azerbaijan, Lao PDR, Cambodia, Bahrain, Singapore, Namibia, Nepal, Bangladesh dan Morocco serta 2 orang peserta Malaysia dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Natural Resources and Environment Board.



Ketua Pengarah Alam Sekitar menyampaikan ceramah bertajuk *Sharing Environmental Enforcement Approaches Applicable in Malaysia*



Sepanjang kursus dua (2) minggu ini, peserta-peserta telah didedahkan mengenai :

- (a) Dua (2) model pendekatan penguatkuasaan iaitu *Command and Control (C & C)* dan *Pematuhan Kendiri Terpimpin (Guided Self Regulation)*;
- (b) Dua (2) model pendekatan pengawasan iaitu pengawasan secara manual (*Manual Monitoring*) dan Sistem atas talian (*on-line system*);
- (c) Kawalan pencemaran air sisa/*effluen* dan pelepasan ke udara;
- (d) Pendekatan perancangan bagi kawalan pencemaran dan impak, serta pencegahan;
- (e) Isu-isu kawalan pencemaran spesifik bagi tumpahan minyak, pengurusan buangan terjadual, dan kawalan hakisan dan kelodakan; dan
- (f) Keperluan kompetensi dalam pengendalian alat kawalan pencemaran air dan udara serta pengurusan buangan terjadual.

Peserta juga dibawa ke Pusat-Pusat *Hands-On* EiMAS iaitu *EiMAS Air Pollution Control Hands-On Centre*, *EiMAS Pilot Industrial Effluent Treatment System (IETS)* dan Makmal Pembelajaran EiMAS, *Environmental Data Centre (EDC)* dan *National Environmental Command Centre (NECC)* di Ibu Pejabat JAS, serta lawatan ke dua (2) buah kilang iaitu Meriahtek (M) Sdn. Bhd. (Melaka) dan Hartalega NGC Sdn. Bhd. (Sepang, Selangor), dan *Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG)* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Secara umumnya, program ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat MTCP itu sendiri iaitu untuk berkongsi maklumat dan kepakaran mengenai pengurusan alam sekitar yang berkesan dengan negara-negara sedang membangun yang lain.

# *Attachment Program on the Procedure and Execution of Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS) in Industries*

**Tarikh : 17 hingga 19 Julai 2017**

**Tempat : Grand Bluewave, Johor Bahru / Tanjung Bin Energy, Pontian / Palm Discovery Sdn. Bhd., Kulai**

**Peserta : 31 orang**



Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) melalui Pusat Kawalan dan Pengawasan Udara telah menganjurkan sesi latihan *Attachment Program on the Procedure and Execution of CEMS in Industries*. Program latihan ini dianjurkan untuk memberi latihan intensif kepada pegawai JAS bagi membina kepakaran dan pengetahuan yang lebih praktikal sebagai tenaga pengajar dalam subjek CEMS. Melalui sesi latihan ini juga, dapat membantu pegawai JAS dalam menjalankan penilaian dan audit prosedur untuk proses kelulusan dan pemeriksaan laporan persampelan CEMS.

Sesi latihan ini telah dijalankan selama 3 hari bermula 17 Julai hingga 19 Julai 2017, yang melibatkan sesi kuliah serta lawatan pembelajaran ke premis yang telah memasang dan mengoperasikan *Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS)*. Program ini telah melibatkan seramai 19 orang pegawai JAS dari Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat, JAS Negeri dan EiMAS yang merupakan pegawai yang terlibat secara langsung dalam penilaian teknikal CEMS serta 12 orang dari pejabat JAS Negeri Johor yang turut hadir bagi tujuan pendedahan berkenaan dengan pemasangan dan pengoperasian CEMS.

Sesi latihan hari pertama dimulakan dengan sesi kuliah bagi mendedahkan berkenaan keperluan perundangan serta keperluan teknikal bagi pemasangan dan pengoperasian CEMS ini. Pada hari kedua, peserta telah dibawa ke premis janakuasa elektrik iaitu Tanjung Bin Energy di Tanjung Bin, Pontian. Di premis ini, peserta telah diberi pendedahan berkaitan peralatan dan sistem bagi CEMS yang dipasang serta pengalaman premis Tanjung Bin Energy dalam mengoperasikan dan menyelenggara CEMS di premis mereka. Pada hari ketiga, peserta telah dibawa ke premis kilang kelapa sawit iaitu Palm Discovery Sdn. Bhd. Di premis ini peserta dibawa melihat peralatan dandang yang telah dipasang peralatan CEMS bagi memantau pelepasan asap hitam dan pepejal terampai. Sesi latihan ini diakhiri dengan perbincangan berkaitan penemuan dan pemerhatian peserta ke atas pemasangan dan pengoperasian CEMS di kedua-dua buah premis yang telah dilawat.



Secara umumnya, program ini telah berjaya mencapai objektif bagi memberi pendedahan kepada pegawai JAS dalam pemasangan dan pengoperasian CEMS di lapangan. Program ini telah mendapat kerjasama yang baik dari pihak premis-premis yang terlibat dalam memberi peluang kepada peserta untuk melihat secara lebih dekat tentang peralatan CEMS ini.

# KURSUS – KURSUS *Pensijilan Industri*



Para peserta sedang mengambil bacaan pada *Scrubber*

Para peserta bergambar bersama tenaga pengajar



Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) bertanggungjawab menguruskan kursus – kursus pensijilan industri yang melahirkan Orang Yang Berwibawa bagi memenuhi keperluan perundangan seperti yang telah digariskan di dalam Seksyen 49A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kursus – kursus pensijilan industri yang dianjurkan adalah:

- i. Course for Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWaM)
- ii. Course for Certified Environmental Professional in Bag Filters Operation (CePBFO)
- iii. Course for Certified Environmental Professional in Scrubber Operation (CePSO)
- iv. Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (Biological Processes) (CePIETSO-BP)
- v. Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (Physical Chemical Processes) (CePIETSO-PCP)
- vi. Course for Certified Environmental Professional in the Treatment of Palm Oil Mill Effluent (CePPOME)
- vii. Course for Certified Environmental Professional in Sewage Treatment Plant Operation (CePSTPO)
- viii. Course for Certified Environmental Professional in the Leachate Treatment Plant Operation (CePLTPO)

EiMAS telah melantik beberapa Penyedia Latihan yang bertanggungjawab bagi melaksanakan kursus-kursus pensijilan iaitu:

- i. Airwastewater Management Sdn. Bhd.
- ii. Master Jaya Greentech Sdn. Bhd.
- iii. Petronas Technical Training Sdn. Bhd. (INSTEP)
- iv. Enviro Academy Sdn. Bhd.

Sepanjang bulan Julai, sebanyak 10 siri kursus pensijilan telah dilaksanakan dengan jumlah peserta industri seramai 355 orang.

# Course On Practical Enforcement II – Methods of Sampling & Preservation

Tarikh : 10 hingga 14 Julai 2017

Tempat : Makmal Pembelajaran EiMAS

Peserta : 24 orang

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberikan:

Pengetahuan dan latihan kepada pegawai-pegawai JAS secara kuliah dan *hands-on* bagi membangunkan kompetensi di kalangan pegawai JAS dalam aspek percontohan dan membuat pengawetan percontohan dari punca-punca pencemaran semasa menjalankan kerja-kerja penyiasatan. Dalam kursus kali ini, EIMAS juga menerima 4 peserta daripada Lembaga Urus Air selangor (LUAS) dan 3 peserta daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan seorang peserta dari Badan Kawal Selia Air (BKSA), Melaka.



Sesi ceramah kaedah persampelan dan pengawetan



Sesi penerangan kaedah percontohan



Sesi penilaian kompetensi peserta

## COURSE ON PRACTICAL ENFORCEMENT II – METHODS OF SAMPLING & PRESERVATION

Day/Time	Monday 10/07/2017	Tuesday 11/07/2017	Wednesday 12/07/2017	Thursday 13/07/2017	Friday 14/07/2017
7.00 a.m	BREAKFAST	BREAKFAST	BREAKFAST	BREAKFAST	BREAKFAST
8.15 a.m	COURSE REGISTRATION				
8.30 a.m	Course briefing	Module 2:	Module 3:	Module 3:	EXAM
9.00 a.m	Module 1: Sampling provision under EGA 1974, regulation and orders	Guidelines for handling of environmental samples - Protocol on handling water and effluent samples	Overview of sampling and reservation for enforcement activities in DOE - Sampling technique - Sampling point - Chain of custody - Handling of samples	Competency test on Sampling and Preservation	Course Evaluation
	KPP Zaidi Mohamed @ Awang Makmal Pembelajaran EIMAS	Cik Azlina Md Kassim (IKM) Makmal Pembelajaran EIMAS	PKK Abu Bakar Tajuddin Makmal Pembelajaran EIMAS	KPP ZMA / PK SMI / PPK MIM / PJ SAO	
10.30 a.m	REFRESHMENT	REFRESHMENT	REFRESHMENT	REFRESHMENT	
11.00 a.m	Module 1: Sampling provision under EGA 1974, regulation and orders (Continue)	Continue	Continue	Continue	Closing
1.00 p.m	LUNCH	LUNCH	LUNCH	LUNCH	LUNCH / PAID
2.00 p.m	Module 2: Characteristics of Preservatives Safety – samplers, Sampling & preservatives	Module 2: Practical 1 Hands on preservation	Module 3: Practical 2 Hands On Sampling and Preservation	Continue	
	En. Juvantiran Myliravenan (IKM) Makmal Pembelajaran EIMAS	Cik Azlina Md Kassim (IKM) Makmal Pembelajaran EIMAS	PKK Abu Bakar Tajuddin Makmal Pembelajaran EIMAS		
4.00 p.m	BREAK	BREAK	BREAK	BREAK	
4.15 p.m	Continue	Continue	Continue	Continue	
5.30 p.m	END	END	END	END	

Jadual Kursus

Tarikh : 24 hingga 28 Julai 2017  
Tempat : Hotel Grand Bluewave,  
Shah Alam, Selangor  
Peserta : 30 orang

## *Kursus Certified Environmental Professional In Leachate Treatment Plant Inspection*

Pusat Kawalan Pencemaran Air, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah melaksanakan Kursus *Certified Environmental Professional In Leachate Treatment Plant Inspection* untuk pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 24 hingga 28 Julai 2017 bertempat di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pegawai-pegawai JAS dengan pengetahuan berkaitan kejuruteraan sistem pengolahan larut resapan daripada tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dan stesen pemindahan sisa pepejal dan kambus tanah serta kemahiran mengaplikasinya di dalam pelaksanaan tugas-tugas di Jabatan. Seramai 30 orang peserta dari JAS seluruh negara telah menghadiri kursus ini yang julung-julung kalinya diadakan bagi pegawai JAS.



Sesi kuliah



Peserta Kursus *Certified Environmental Professional in Leachate Treatment Plant Inspection* bergambar bersama Tenaga Pengajar



Semakan ke atas syarat kelulusan EIA dan Pemberitahuan Bertulis adalah salah satu latihan dalam kelas bagi menambah kefahaman peserta kursus